


Najib rayu jalani baki hukuman penjara di rumah



Bekas PM mula bela diri kes rasuah AS\$500 juta

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, akan memulakan pembelaannya minggu ini terhadap pertuduhan rasuah membabitkan lebih AS\$500 juta, selain merayu menjalani baki hukuman penjara di bawah tahanan rumah.

Najib, 71, kini menjalani hukuman penjara enam tahun atas kesalahan rasuah berkaitan skandal dana kekayaan negara 1Malaysia Development Berhad (1MDB) turut berdepan beberapa kes lain yang dikaitkan dengan skandal kewangan yang menyebabkan kekalahan beliau pada Pilihan Raya Umum (PRU) 2018.

Di Mahkamah Tinggi, Najib akan membela diri terhadap empat pertuduhan salah guna kuasa yang membabitkan rasuah ber-

nilai RM2.27 bilion (AS\$510 juta) serta 21 pertuduhan perubahan wang haram.

Kes berkenaan membabitkan Tanore Finance Corp yang menurut pihak berkuasa Amerika Syarikat (AS), digunakan untuk menyeleweng dana daripada 1MDB.

Pada Oktober lalu, Najib mohon maaf kerana skandal 1MDB berlaku ketika pentadbirannya, namun menegaskan beliau tidak tahu mengenai pemindahan wang secara haram daripada dana milik negara itu yang kini tidak lagi beroperasi.

Sekiranya disabitkan bersalah, Najib berdepan denda besar dan hukuman penjara sehingga 20 tahun bagi setiap pertuduhan salah guna kuasa.

Ketua Peguam Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, berkata pihak pembelaan kini lebih bersemangat untuk melawan kes terbabit.

Dalam perkembangan lain, Mahkamah Rayuan pada Khamis depan akan mendengar cabaran Najib terhadap keputusan mahkamah lebih rendah yang menolak permohonannya untuk menjalani

tahanan rumah.

Permohonan semakan kehakiman itu memfokuskan dakwaan wujud perintah daripada bekas Yang di-Pertuan Agong yang membenarkan Najib menjalani baki hukuman penjara di rumah.

Najib memohon mahkamah untuk mengarahkan kerajaan meningesahkan kewujudan perintah diraja itu dan melaksanakannya.

Namun, mahkamah pada Julai lalu memutuskan bahawa affidavit menyokong dakwaan Najib tidak boleh diterima sebagai bukti kerana ia bersifat keterangan dengar cakap.

Dokumen itu tidak pernah didedahkan kepada umum dan tiada kenyataan diberikan bekas Yang di-Pertuan Agong, yang tamat tempoh jawatan pada Januari lalu.

Sekiranya Mahkamah Rayuan memihak kepada Najib, kes itu akan dikembalikan ke mahkamah lebih rendah.

Terdapat juga spekulasi Najib boleh mendapat manfaat daripada undang-undang baharu dicadangkan yang membenarkan tahanan rumah sebagai hukuman alternatif bagi kesalahan tertentu

tahun depan.

Kerajaan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim bagaimanapun menafikan Rang Undang-Undang (RUU) itu dibuat khusus untuk membebaskan Najib daripada penjara.

Beri mesej salah

Peguam di Kuala Lumpur, Andrew Khoo, berkata Najib berdepan cabaran besar dalam usahanya memohon tahanan rumah, memandangkan beliau dihukum atas kesalahan serius.

“Ia akan memberikan mesej yang salah kepada masyarakat umum bahawa individu yang disabitkan dengan kesalahan berat boleh menjalani hukuman penjara dari rumah,” katanya kepada AFP.

Tuduhan bahawa berbilion ringgit diseleweng daripada 1MDB untuk membeli segalanya, daripada kapal layar mewah hingga karya seni, menjadi punca utama kekalahan Najib dan parti UMNO dalam PRU pada 2018.

Skandal 1MDB mencetuskan siasatan di AS, Switzerland dan Singapura, yang sistem kewangannya dipercayai digunakan

untuk membersihkan wang terbit.

Jabatan Kehakiman AS mendakwa lebih AS\$4.5 bilion (RM20 bilion) diseleweng daripada 1MDB antara 2009 dan 2015 oleh pegawai kanan dana itu dan sekutu mereka.

Najib mula menjalani hukuman penjara 12 tahun pada Ogos 2022 atas kesalahan berkaitan penyelewengan dana SRC International, anak syarikat 1MDB.

Hukuman itu kemudiannya dikurangkan separuh oleh Lembaga Pengampunan Malaysia. Sejak itu, Najib meraih beberapa kemenangan dalam kes undang-undang.

Pada 27 November lalu, mahkamah di Malaysia membenarkan pertuduhan rasuah dalam salah satu daripada lima kes berkaitan 1MDB digugurkan terhadapnya.

Pertuduhan itu berkaitan pembayaran lebih AS\$1 bilion (RM4.45 bilion) yang didakwa dibuat kepada syarikat Pelaburan Petroleum Antarabangsa (IPIC) milik Abu Dhabi.

Satu lagi pertuduhan berkaitan pemalsuan audit berakhir dengan pembebasan pada 2023. AFP